

**KAJIAN KESESUAIAN PEMBANGUNAN BANDAR KOTA BHARU
SEBAGAI BANDARAYA ISLAM**
KAJIAN KES: MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU BANDAR RAYA ISLAM

WAN RAHIM B WAN YUNAN

**Tesis ini dikemukakan sebagai
memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar Dan Wilayah**

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

NOVEMBER, 2005

ABSTRAK

Pengisytiharan ibu negeri Kelantan, Kota Bharu sebagai sebuah 'Bandaraya Islam' adalah satu tanda usaha yang dijalankan oleh pihak berkuasa tempatan dalam mengamalkan pentadbiran bandar selaras dengan kehendak Islam. Pengisytiharan ini juga telah menimbulkan banyak perbincangan dan beberapa persepsi yang berbeza daripada pelbagai masyarakat di Malaysia. Untuk menjawab persoalan ini, penulis telah melakukan satu penyelidikan berkenaan dengan perkara berkaitan. Matlamat utama penyelidikan ini adalah untuk menilai kesesuaian Kota Bharu sebagai sebuah Bandaraya Islam. Penyelidikan ini telah dilakukan mengikut prosedur dan metodologi yang ditetapkan. Pertama, satu rangkakerja konseptual dibentuk untuk meningkatkan tahap pemahaman terhadap konsep Bandaraya Islam. Ia memberi fokus kepada isu-isu dan masalah ditimbulkan, maklumat latarbelakang tapak kajian kes dan juga data mengenai Bandaraya Islam. Seterusnya, kajian literatur dibuat bagi membuat soalan-soalan termasuklah latarbelakang para responden, pandangan mereka dan petunjuk sesebuah Bandaraya Islam. 100 sampel telah diedarkan untuk menemubual komuniti bandar dalam 10 daerah di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Kota Bharu yang digunakan untuk menganalisis persepsi mereka terhadap kewajaran pembangunan KBBI. Analisis 100 responden termasuklah komuniti tempatan, golongan profesional, agensi-agensi kerajaan yang terlibat telah menunjukkan lebih 83% daripada mereka telah bersetuju dan memahami apakah itu KBBI. Penemuan ini juga membuktikan bahawa tahap penerimaan dan pemahaman komuniti tempatan terhadap pembangunan KBBI adalah tinggi. Sebagai kesimpulan, Kota Bharu mempunyai potensi besar untuk dibangunkan sebagai sebuah Bandaraya Islam dalam masa terdekat dengan syarat semua pihak yang terlibat mesti saling memahami dan bekerjasama dalam memperbaiki beberapa kelemahan. Mereka seharusnya bersatu untuk menangani beberapa isu-isu dan masalah ke arah mencapai kualiti hidup yang lebih baik.

ABSTRACT

The declaration of Kelantan state capital Kota Bharu as an 'Islamic City' is to symbolize the efforts undertaken by the local authorities in administrating the city along Islamic guidelines. The declaration has also created some debates and several of different perceptions from all level of the Malaysian society. To answer these questions, the author has done a research concerning on this matter. The main aim of this study is to evaluate the suitability of Kota Bharu to be an Islamic City. The study has been carried out in proper procedures and methodology. First, a conceptual framework designed to improve the level of understanding of the Islamic City concepts. It focuses on the issues and problems raised background information of the case study area as well as some data on Islamic City. Next, literature reviews is carried out to generate some questionnaires is developed which included background of respondents, their point of views and indicators of an Islamic City. A hundred of samples have been distributed to carry out interviews with urban communities in difference locations in 10 districts under Kota Bharu Municipal Council jurisdiction are used to analyze the perceptions of the relevance of development of KBIC. Analysis of 100 respondents including local communities, professionals and government agencies involved has showed that more than 83% of them were agreed and understood what KBIC is all about. The results also explained a high level of acceptance and understanding from the local communities regarding to development of KBIC. In conclusion, Kota Bharu has great potentials to be developed as an Islamic City in the near future on condition that all of parties involved must be mutual understanding and more collaboration in order to improve some weaknesses. They should be united to deal with some kinds of issues and problems towards achieving better quality of live.